

# SUDUT PAK-21

## Mix and Match

**Objektif:**

Membantu murid memahami dan menguasai konsep andaian, prinsip dan batasan dalam perakaunan.

**Bahan yang diperlukan:**

Kad yang bercorak berlainan, muzik yang sesuai

**Persediaan awal:**

1. Guru dikehendaki menuliskan soalan/situasi tentang andaian, prinsip dan batasan perakaunan di atas kad yang berbeza.




Depan

Kedai Alat Tulis Alvin tidak merekodkan pembayaran insurans nyawa oleh pemilik dalam buku perniagaan.

Belakang

2. Bahagikan kad-kad tersebut kepada dua bahagian.



Depan

Kedai Alat Tulis Alvin tidak merekodkan pembayaran insurans nyawa oleh pemilik dalam buku perniagaan.

Belakang

**Aktiviti:**

1. Setiap murid diberikan separuh daripada kad.
2. Murid berjalan di dalam kelas dan menukar kad dengan rakan yang lain selagi muzik dimainkan.
3. Apabila muzik dihentikan, murid dikehendaki mencari rakan yang memegang kad yang boleh membentuk corak penuh dengan kad sendiri.
4. Murid yang mendapat pasangan boleh mencantumkan kad untuk mendapatkan soalan yang lengkap yang dicetak pada bahagian belakang kad.
5. Kedua-dua orang murid dikehendaki memahami, membincang dan mendapatkan jawapan.
6. Setiap pasangan murid kemudian akan membaca soalan mereka di depan kelas dan memberikan jawapan mereka kepada rakan lain.
7. Perbincangan lanjut boleh dilakukan sekiranya rakan lain mempunyai pandangan jawapan yang berlainan.